

Headline Kerjasama komuniti tangani dadah
Date 11. May 2009
Media Title Sinar Harian (Pahang)
Section NEWS
Circulation 60000
Readership 0
Language MALAY
Page No 8
Article Size 303 cm2
Frequency Daily
Color Black/White
AdValue 1213.00



Kerjasama komuniti tangani dadah

LANCHANG - Masalah penagihan dadah dalam negara tidak akan selesai sekiranya masyarakat tidak berkerjasama menanganinya dan menganggap masalah tersebut tiada kaitan dengan keluarga masing-masing.

Ahli Parlimen Temerloh, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, beliau memandang serius peningkatan kes penagihan dadah hari ini dan mahu masyarakat sekeliling berkerjasama membendungnya daripada memular dalam masyarakat.

Menurutnya, setiap kampung perlu aktif menjayakan pelbagai kegiatan kemasyarakatan dan perlu tahu perkembangan yang berlaku supaya tindakan boleh diambil untuk mengatasinya.

"Masalah penagihan dadah kini semakin serius dan masyarakat perlu sedar untuk sama-sama membendung gejala kurang sihat ini.

"Sikap dan mentaliti masyarakat perlu berubah dan melihat masalah yang dihadapi jiran adalah masalah bersama.

"Sekiranya jiran kita mempunyai anak yang ketagihan dadah, kita perlu bersama-sama jiran kita memberikan semangat dan jangan sesekali menyisihkan keluarga tersebut,"katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas merasmikan penutupan program Keluarga Bahagia, Di Kampung Cempaka, semalam.

Beliau berkata, ia kerana jiran juga memerlukan kita untuk membantu mereka dan memberikan pandangan mengatasinya. Mereka tidak dapat berfikir dengan

baik kerana dibebani masalah tersebut.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pengajian Tinggi berkata, persatuan belia setiap kampung perlu aktif dalam pelbagai program dalam usaha membendung golongan tersebut terjebak dengan gejala negatif.

Menurutnya, remaja hari ini terutama yang masih di bangku sekolah sudah pandai menghisap rokok dan ponteng.

"Sekiranya kita tidak membendung gejala ini dari awal sudah tentu sukar untuk mereka yang terjebak dengan penagihan dadah ini berhenti.

"Kita perlu membantu mengawal gejala ini kerana untuk mengubatinya sangat sukar.

"Semua pihak perlu membantu membanteras gejala ini dan tidak boleh meletakkan beban atau tugas ini kepada kerajaan dan pihak berkuasa sahaja,"katanya.

Menurutnya, jika semua memainkan peranan masing-masing sudah tentu dapat mencapai sifar penagihan dadah.

Saifuddin berkata, ramai anak muda yang meninggal akibat dijangkiti virus HIV/Aids kerana berani berkongsi jarum suntikan.

Menurutnya, anak muda adalah pewaris pimpinan masa akan datang dan beliau bimbang negara akan kehilangan pewaris untuk mencapai status negara maju.

"Kita tidak mahu negara ini dijajah lagi sebab itu perlu memastikan anak muda tidak terjebak dengan gejala ini.

"Kita perlu sama-sama membanteras gejala ini mulai sekarang,"katanya.

ketagihan banteras



● Saifuddin (kanan) ucap tahniah kepada pemenang cabutan bertuah program Keluarga Bahagia, semalam.